

06/11/2000

Kes Ezam: Polis harus lebih bijak

BUKAN sekali dua cabaran dilontarkan agar tindakan diambil ke atasnya. Namun, setiap kali itulah Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ezam Mohd Noor, seolah-olah begitu licik hingga dapat melepaskan diri. Terbaru, beliau mencabar kerajaan supaya mendakwanya berhubung pengakuannya memburuk-burukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di luar negara. Anehnya, ketika dipanggil ke Ibu Pejabat Polis (IPD) Kota Star, Jumaat lalu, tiada kenyataan dapat dicatatkan daripadanya. Dengan memulangkan peruntukan di bawah Seksyen 112, Kanun Acara Jenayah, Ezam menempelak cubaan untuk mendapatkan keterangan daripadanya dengan memilih untuk berdiam diri.

Apakah `ilmu' yang Ezam kuasai atau apakah kekurangan ilmu pihak polis hinggakan pegawai penyiasat kelu untuk berkata-kata apabila berdepan dengannya? Kita tidak jelas apa yang sebenarnya berlaku ketika Ezam dipanggil tetapi kegagalan sebarang keterangan dicatatkan daripadanya menggambarkan kurang persediaan pihak polis sendiri untuk menangani kes berkenaan dengan sebaik mungkin. Hairannya, polis yang sudah masak dengan pelbagai helah dan tipu daya, selain diperuntukkan kuasa mengikut pelbagai undang-undang yang sedia ada, masih teraba-raba dalam kes ini.

Umum mengetahui pengakuan Ezam mengenai perbuatannya memburuk-burukkan Dr Mahathir di Amerika Syarikat dan Eropah. Sebagaimana ceramahnya dalam Perhimpunan Gerakan Mengembalikan Hak-Hak Rakyat di Batu Tiga, Tandop dekat Alor Star, 22 Oktober lalu, Ezam turut mengakui berjaya mempengaruhi pelabur asing di Amerika supaya tidak datang ke Malaysia untuk membuat pelaburan dengan alasan sistem kehakiman negara ini dikuasai oleh ahli politik. Serentak dengan itulah, ramai yang menganggapnya mengkhianati negara sendiri kerana perbuatannya boleh menjejaskan ekonomi negara hingga rakyat keseluruhannya mendapat kesusahan sekiranya pelbagai sekatan dikenakan.

Hairannya juga isu memburukkan Perdana Menteri lebih ditonjolkan. Jika polis turut mendasari siasatan mereka kepada isu yang sama, adalah jelas mereka turut tersasar. Memburuk-burukkan Perdana Menteri memang sudah menjadi kerja pembangkang dari dulu hingga sekarang. Malah, tiada undang-undang yang boleh menghalang perbuatan itu yang menjadi kebiasaan dalam politik parti pembangkang kecuali tindakan sivil daripada Dr Mahathir sendiri. Sebaliknya, perbuatan Ezam mendesak agar pelbagai sekatan ekonomi dikenakan sebagai usaha mengkhianati negara yang menjadi isu utama di sini. Adakah Ezam melakukannya atau tidak - itulah persoalan utama dan bukan keangkuhannya hingga mahu menyaman Perdana Menteri pula. Siasatan polis juga harus tertumpu kepada soal yang sama.

(END)